

S 14 29/1/20 m/s 32

## Bot nelayan ditahan bersama 200 kilogram ikan

**ALOR SETAR** - Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kedah dan Perlis menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C kerana melanggar syarat lesen di kedudukan 9.8 batu nautika barat Pulau Langkawi pada Ahad lalu.

Timbalan Pengarah Operasi APMM Negeri Kedah dan Perlis, Kepten Maritim Zulinda Ramly berkata, ketika ditahan pada jam 12.15 tengah hari terdapat seorang tekong dan tiga awak-awak warga Thailand berusia 30 hingga 60 tahun di atas bot

tersebut.

"APMM menahan dan membawa bot bersama hasil tangkapan ikan campuran seberat kira-kira 200 kilogram ke Jeti Maritim Bukit Malut untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.